

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Permintaan minyak sawit global diunjur meningkat

● MUKA 2

140 hadiri forum kesihatan, pemakanan di China

● MUKA 3



UCAPAN TAHUN BARU 2017

U Kita telah menghadapi tahun 2016 yang sangat mencabar. Tetapi dengan bantuan semua, kita berjaya mengharunginya. Tahun 2017 akan membawa cabaran baharu tetapi saya yakin kita akan mampu melakukan yang lebih baik. Tahun 2017 adalah tahun istimewa kerana ia merupakan tahun ke-100 industri sawit negara dikomersialkan. Jadi, kami memandangkan ke hadapan dengan harapan untuk berusaha gigih bersama agar negara lebih makmur, berjaya dan bersatu padu. Selamat Tahun Baru”

Datuk Seri Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi (MPIC)

Masa untuk industri sawit menjadi penentu harga

➔ Kemajuan sains, teknologi, inovasi kunci utama realisasi hasrat MPOB

Oleh Fadzil Ghazali
afadzil@mpob.gov.my

Putrajaya

Kerajaan mahu industri sawit negara berusaha ke arah menukar statusnya daripada penerima harga (price taker) kepada penentu harga (price maker) memandangkan industri itu sudah bertapak hampir 100 tahun di Malaysia.

“Selama 100 tahun kita tertum-

pu sebagai penerima harga, namun dengan kemampuan yang ada kita harus beralih tumpuan kepada menjadi penentu harga pada masa depan,” kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Kiong pada Malam Kecemerlangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Industri Sawit 2016 yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M Nagarajan dan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Kualiti premium

Beliau menjelaskan bahawa industri sawit perlu menumpukan fokus menjadi penerima harga di sektor hulu (upstream) dan penentu harga di sektor hiliran (downstream) pula.

“Untuk merealisasikan hasrat



Datuk Seri Mah Siew Keong menyampaikan anugerah kepada pemenang Anugerah Industri Sawit 2015/2016 di Putrajaya, baru-baru ini.

menjadi penentu harga, kemajuan sains, teknologi dan inovasi adalah kunci utama kerana pada peringkat inilah kita dapat menetapkan harga tinggi ke atas produk kita yang berkualiti premium,” katanya.

Mah menegaskan bahawa industri komoditi bukan satu industri ‘matahari terbenam’ atau tiada masa hadapan kerana kekayaan negara pada masa depan akan ditunjangi oleh sektor komoditi yang lebih moden, kompetitif dan mampan.

“Kerajaan sedar bidang penyelidikan adalah asas pembangunan industri sawit negara serta kunci penjana pendapatan negara. Saya bangga kerana MPOB men-

jadi antara institusi penyelidikan yang konsisten menghasilkan pelbagai inovasi baharu dengan mencatatkan kadar pengkomersialan tertinggi iaitu 30.4 peratus,” katanya lagi.

Rangka pelbagai program

Beliau berkata, pihak kementerian merangka pelbagai program sempena ulang tahun ke-100 industri sawit negara pada tahun 2017 untuk mengangkat lebih tinggi martabat industri itu dan mengiktiraf sumbangan pekebun kecil kepada pembangunan negara.

Penanaman sawit secara komersial di Malaysia bermula pada tahun 1917.

Pada masa itu penanaman

sawit hanyalah dalam skala kecil dan tidak terancang namun dalam tempoh satu abad industri sawit khususnya sektor perladangan berkembang pesat.

Kini keluasan sawit negara mengangkau 5.64 juta hektar iaitu lebih 70 peratus daripada keseluruhan kawasan pertanian negara.

Pada majlis itu, Datuk Seri Mah menyampaikan anugerah kepada pemain industri sawit negara meliputi sektor hulu dan hiliran.

Antara kategori diberi peng-anugerahan adalah tapak semeaian komersial, ladang, peniaga buah, pencapaian kadar perahan minyak (OER) tertinggi, kilang penapis, kilang pelumat isirung dan kilang oleokimia.

Tahun 2016 telahpun melabuhkan tirainya.

Dalam konteks industri sawit, tahun 2016 berdepan dengan pelbagai cabaran seperti fenomena El-Nino yang menyebabkan kurangnya hasil buah tandan segar (BTS) sekali gus mempengaruhi pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) negara.

Bagaimanapun dengan langkah Kerajaan dan industri menangani cabaran berkaitan, ia telah membantu industri sawit untuk terus menerajui pasaran minyak dan lemak global. Dagangan minyak sawit adalah yang terbesar dalam pasaran minyak sayuran dunia.

Dengan mengambil kira peningkatan harga, bagi tempoh Januari hingga November 2016, MSM dinia-gakan pada purata RM2,606.50 satu tan, peningkatan sebanyak RM452.50 satu tan atau 21 peratus lebih tinggi berbanding RM2,154.00 satu tan dalam tempoh sama pada tahun 2015. Sepanjang tempoh tersebut, MSM mencecah harga tertinggi pada 29 November 2016 iaitu RM3,090.50 satu tan.

Peningkatan prestasi industri sawit dan pengukuhan harga MSM adalah hasil langkah strategik yang dilakukan oleh Kerajaan dan kerjasama pihak industri termasuk sektor pekebun kecil yang memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi dan industri sawit negara.

Dengan peningkatan harga minyak sawit, penggiat industri terutama pekebun kecil dapat meningkatkan produktiviti serta tahap pengurusan tanaman sawit dengan lebih sistematik termasuk penggunaan jentera perladangan dan meningkatkan pendapatan.

Dalam konteks MPOB, tahun 2016 melakar pencapaian berharga dengan pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa khususnya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) sawit. Antaranya ialah Patron Award di ITEEX 2016 kerana berjaya menerima anugerah terbanyak; Anugerah Platinum dan Emas di British Invention Show 2016; dan Applied Science Order of Merit Award serta Creative Grand Award sempena Korea Inventor Award Festival (KIAF) 2016.

Di peringkat nasional, antara pengiktirafan yang diterima ialah pingat Emas, Perak dan Gangsa di Eskpo Teknologi Malaysia (MTE); 2016 Top Research Scientist Malaysia (TRSM) daripada Akademi Sains Malaysia; Johan di Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC); Anugerah Saintis Muda daripada MOSTA; dan 'Lifetime Excellence Award in Oil Palm Industry' daripada Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC). Terbaru, MPOB juga terpilih sebagai enam finalis bagi Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM).

Tahun 2017 terus hadir dengan pelbagai cabaran yang perlu diharungi. 2017 bakal melakar sejarah tersendiri dalam industri sawit kerana meraikan ulang tahun ke-100 pembukaan ladang sawit secara komersial pertama pada tahun 1917 di Tennamaran, Kuala Selangor. Sejak itu, industri sawit terus memacu langkah dan kini merupakan tunggak penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Bagi MPOB, aktiviti R&D dan pengkomersialan teknologi serta inovasi yang bermanfaat kepada industri sawit akan terus diberi keutamaan. Perkembangan terkini akan dikongsi bersama bagi memastikan kesejahteraan industri sawit negara.

Pada tahun 2017 MPOB akan menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk seminar dan persidangan. Antaranya ialah 'Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar' pada 17 Januari 2017 yang membentangkan pencapaian prestasi industri sawit tahun 2016 serta berkongsi idea bagi menghadapi tahun 2017.

Kongres minyak sawit antarabangsa atau PIPOC yang popular di kalangan penggiat industri minyak dan lemak dunia pula akan diadakan pada November 2017. PIPOC merupakan forum bagi membincangkan kemajuan terkini industri sawit yang menghimpun pakar dan penggiat industri dari seluruh dunia.

Usaha gigih, kerjasama dan semangat berpasukan menjadi teras perjuangan MPOB dijangka akan terus meningkatkan keyakinan dan kekuatan bagi mengharungi cabaran semasa dan mendatang.

Selamat Tahun Baru 2017.

kushairi@mpob.gov.my



MINDA
Dr Ahmad
Kushairi Din
Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur berucap merasmikan Seminar POMREQ 2016 mewakili Datuk Seri Mah Siew Keong di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Permintaan minyak sawit global diunjur meningkat

➔ Peningkatan 40 peratus kepada kira-kira 78 juta tan menjelang tahun 2020

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

▪ Kuala Lumpur

Permintaan minyak sawit global diunjur berkembang sebanyak 40 peratus kepada kira-kira 78 juta tan menjelang tahun 2020, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

"Saya yakin komoditi itu akan kekal sebagai produk penting dalam pasaran minyak dan lemak global bagi menampung peningkatan keperluan penduduk dunia," katanya dalam ucapan perasmian Seminar Kebangsaan Pengilangan Sawit, Penapisan, Alam Sekitar dan Kualiti 2016 (POMREQ 2016) di sini baru-baru ini.

Ucapan Mah dibacakan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur.

Mah berkata, industri sawit adalah antara tunggak ekonomi negara dan sumber pendapatan eksport utama serta penyedia peluang pekerjaan terbesar di Malaysia.

"Industri ini disasarkan sebagai antara teras pemacu ekonomi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam usaha membentuk Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Pelaksanaan lapan projek permulaan (EPP) di bawah NKEA Sawit dan Getah akan memastikan sumbangan industri sawit kepada Pendapatan Negara Kasar mencapai

RM178 bilion menjelang 2020," katanya.

Mah berkata, sektor pengilang minyak sawit adalah satu segmen penting dalam rantaian pengeluaran komoditi itu dan kadar perahan minyak (OER) menjadi kayu pengukur dalam menyukat keberkesanan pemprosesan buah tandan segar (BTS).

"Adalah penting untuk pengilang minyak sawit berpendirian tegas dalam mengawal kualiti BTS, terutamanya dalam memastikan tiada BTS yang lewat diproses.

Penggunaan teknologi baharu

"Penggunaan teknologi baharu seperti proses pengsterilan berterusan dapat membantu pengilang meningkatkan kadar OER masing-masing. Di bawah NKEA, sasarannya adalah meningkatkan OER daripada 20 peratus sekarang kepada 23 peratus menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata, sektor pengilangan sawit juga mempunyai peranan pen-

ting dalam menjaga alam sekitar melalui penggunaan biojisim dan biogas. Sehingga kini terdapat 90 loji biogas beroperasi; enam dalam pembinaan dan 145 di pelbagai peringkat perbincangan.

"Statistik ini menunjukkan kadar kejayaan pelaksanaan projek biogas pada tahap 20 peratus di Malaysia dan 17 daripadanya bersambung kepada grid nasional.

"Bagi meningkatkan lagi kadar kejayaan pelaksanaan, kerajaan melakar dan mengenal pasti kilang sawit di Semenanjung yang berpotensi untuk sambungan grid serta penggunaan lain," katanya.

Mah berkata, dalam jangka panjang, pengilangan sawit perlu menukar imej mereka dengan menguruskan sisa dan bahan buangan kepada satu industri yang bertanggung jawab dengan sisa buangan di tahap sifar di samping menggalakkan teknologi hijau.

"Untuk mencapai hasrat ini, tindakan mesti diambil untuk mengurus sisa dan segala bahan buangan industri dengan sebaik mungkin. Proses mengilang dan menapis minyak sawit juga perlulah efisien untuk memastikan kadar perahan maksimum dan kehilangan minyak di tahap minimum," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, industri sawit negara mesti terus memperkenalkan dan menggunakan inovasi baharu yang mampu meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta mengurangkan kos sebagai usaha memastikan industri sawit terus kompetitif.

"MPOB berjaya menghasilkan pelbagai inovasi untuk membantu industri sawit. Kejayaan MPOB di bidang ini dapat dilihat melalui jumlah teknologi yang dilancarkan.

"Sehingga kini, MPOB menghasilkan 608 teknologi dan 165 perkhidmatan berkaitan industri sawit di mana 30 peratus berjaya dikomersialkan," katanya.



Industri ini disasarkan sebagai antara teras pemacu ekonomi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam usaha membentuk Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi"

Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi

Penyelidikan, isu teknikal sawit fokus interaksi MPOB, MPOA

➔ MPOB akan lakukan tindakan susulan ikut kehendak industri

Oleh Shamala Sundram
shamala@mpob.gov.my

Bangi

Penyelidikan berkaitan tanaman sawit dan isu teknikal yang dihadapi industri sawit menjadi fokus perbincangan pada Forum Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) yang berlangsung di Ibu Pejabat MPOB, di sini baru-baru ini.

Isu yang dibincang meliputi penambahan baka sawit, penyakit Ganoderma, biological oxygen demand (BOD), pelan biosekuriti sawit, penuaian sawit bermotor (Cantas), peta genom, nutrisi, teknologi pemerangkapan biogas, teknologi sisa sifar, penyakit reput pu-

cuk dan serangan ulat bungkus.

Isu lain turut dibincang adalah kadar perahan minyak, tenaga buruh, Pensijilan Minyak Sawit Mampuan Malaysia (MSPO), bio-baja, pengilangan, penguatkuasaan dan pelesenan serta skim tanam semula.

Forum yang dipengerusikan oleh Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Ahli Majlis MPOA, Dato' Carl Bek-Nielsen.

Tindakan susulan

Datuk Seri Ahmad berkata, melalui interaksi berkenaan MPOB mampu melakukan tindakan susulan dengan efektif serta melaporkan perkembangan penyelidikan selaras dengan kehendak pihak industri.

Sementara itu, Dr. Kushairi ketika memberi maklum balas berkaitan isu yang dibincangkan terutama berkaitan Ganoderma berkata, penyelidikan baka sawit rintang terhadap Ganoderma kini giat dijalankan.

"Penyakit reput pangkal batang yang disebabkan oleh kulat Ganoderma ini masih belum dapat ditangani dengan efektif. Salah satu cara untuk menangani penyakit yang semakin menular ini, adalah melalui penyarangan baka sawit sedia ada," katanya.



Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kanan) mempengerusikan Forum Teknikal MPOB-MPOA. Turut hadir dari kiri Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr Lim Weng Soon, Dr Ahmad Kushairi Din dan Dato' Carl Bek-Nielsen.

Katanya, penyelidikan kini dijalankan dengan usaha sama PT-Socfindo yang kini mempunyai baka sawit rintang Ganoderma.

Selain itu, MPOA juga berharap MPOB dapat mengusahakan teknologi yang sesuai untuk membantu industri mencapai had pelepasan keperluan oksigen biokimia (BOD) kurang daripada 20 ppm secara konsisten bagi efluen kilang minyak sawit (POME).

MPOA menyatakan pelbagai langkah diambil oleh industri untuk memenuhi peraturan BOD 20ppm yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (DOE) ke atas kilang pemrosesan sawit.

Di samping itu, perkembangan terbaru dari DOE, mencadangkan sistem kawal selia sendiri (SRS – self regulatory system) oleh kilang sawit bagi pemantauan BOD 20ppm yang memenuhi peraturan

pelepasan kualiti POME.

Isu lain menjadi fokus utama perbincangan adalah berkaitan kekurangan tenaga kerja di ladang sawit yang semakin serius dihadapi setiap syarikat perladangan sawit.

Datuk Seri Ahmad juga amat prihatin terhadap tekanan kekurangan tenaga kerja dihadapi industri dan berjanji membawa isu ini ke pihak Kementerian untuk tindakan sewajarnya.

140 hadir forum kesihatan, pemakanan di China

Oleh Subashini Nadras
subashini@mpob.gov.my

China: Sejumlah 140 pakar pemakanan, pengamal perubatan, pakar minyak dan lemak serta pegawai kerajaan China dari Persatuan Pemakanan Wilayah Guangdong menghadiri Forum Kesihatan dan Pemakanan Minyak Sawit ke-6 anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Persatuan Pemakanan Wilayah Guangdong di Hotel Sheraton Guangzhou, China, baru-baru ini.

Penganjuran forum itu adalah antara aktiviti sempena Lawatan Teknikal MPOB ke China pada 28 November hingga 3 Disember 2016 untuk mengukuhkan pasaran dan imej minyak sawit di negara berkenaan.

Forum berkenaan dirasmikan Konsul Jeneral Malaysia di Guangzhou, Muzambli Markam.

Majlis turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din; Naib Presiden Persatuan Pemakanan Guangdong, Prof. Dr. Gao Yong Qing dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Dr. Kalyana Sundram.

Muzambli Markam berkata, forum bertujuan menyebarkan maklumat terkini mengenai minyak sawit serta meyakinkan pengguna di negara China mengenai kebaikan pemakanan yang terdapat dalam minyak sawit.

"Melalui forum itu, pakar pemakanan, pakar minyak dan lemak serta pengamal perubatan saling bertukar pandangan mengenai isu pemakanan dan membincangkan kebaikan minyak sawit terhadap kesihatan.

Dr Kushairi dalam ucapan aluannya pula menekankan bahawa



Muzambli Markam ketika berucap merasmikan Forum Kesihatan dan Pemakanan di Guangzhou, China.

minyak sawit mempunyai banyak fitonutrien bermanfaat untuk kesihatan seperti tokotrienol, karotin, ko-enzim Q10 dan *phytosterols*.

"Minyak sawit adalah antara sumber yang kaya dengan Vitamin E semulajadi terutamanya tokotrienol (agen anti-oksidan)," katanya.

Usaha sama

Beliau turut memberitahu bahawa Institut Perkhidmatan Teknikal dan Penyelidikan Minyak Sawit MPOB (PORTSIM) yang bertempat di Shanghai, China menjalankan usaha sama penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan

produk baharu dengan institusi dan pihak industri tempatan China.

Sembilan kertas kerja yang meliputi manfaat pemakanan minyak sawit, senario penggunaan minyak masak di negara China, penggunaan minyak sawit dalam makanan dan kelebihan minyak sawit bebas daripada lemak trans dibentangkan pada forum itu.

Dr Kushairi turut membentangkan kertas kerja mengenai "Minyak Sawit Malaysia di China: The Way Forward".

Beliau menekankan bahawa minyak sawit mempunyai keistime-

waan tersendiri seperti lemak mono tak tepu dan tidak mempunyai kesan buruk ke atas paras kolesterol di dalam tubuh manusia walaupun ia mengandungi asid lemak tepu.

Lawatan Teknikal MPOB turut merangkumi beberapa program di Guangzhou dan Shanghai.

Lawatan kerja diketuai oleh Dr. Kushairi Din.

Sempena lawatan berkenaan, Dr Kushairi dan Muzambli Markam turut mempengerusikan satu sesi interaksi dengan ahli industri minyak sawit Malaysia di Wilayah China Selatan.

Minggu Inovasi iktiraf pegawai cemerlang

Keperluan, dorongan dan sumber aspek utama penentu kejayaan organisasi

Oleh Noor Asmawati
Abd Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi

Penganjuran Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB diadakan saban tahun bertujuan memberi pengiktirafan kepada pegawainya yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan perkhidmatan berkaitan industri sawit.

Bagi tahun 2016, projek penyelidikan dan pengurusan yang diiktiraf cemerlang menerima anugerah dalam pelbagai kategori pada majlis kemuncak Malam Kecemerlangan MPOB dan Industri Sawit 2016 yang disampaikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Antara anugerah yang disampaikan Datuk Seri Mah Siew Keong ialah Medal Emas Penyelidikan MPOB, Anugerah Kecemerlangan



Datuk Seri Mah Siew Keong bersama pemenang Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB.

Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah, dan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Piala Pusingan Ketua Pengarah.

Anugerah lain yang disampaikan pada majlis tersebut ialah Anugerah Saintis Cemerlang, Anugerah Saintis Harapan dan Anugerah Penerbitan Terbaik Keseluruhan.

Terdahulu, Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din berkata ketika berucap merasmikan program Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB 2016, di ibu pejabat MPOB di sini, berkata keperluan, dorongan dan sumber adalah tiga aspek utama penentu

pencapaian dan kecemerlangan organisasi jika dikendalikan dengan cekap dan berintegriti.

Cabaran kompleks

Katanya lagi, perkhidmatan awam pada masa ini menghadapi cabaran yang kompleks berikutan perubahan sosial dan ekonomi dunia yang menuntut sistem penyampaian yang lebih inovatif ke arah menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan.

"Terdapat keperluan berterusan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerana tuntutan pelanggan yang sentiasa

meningkat. Oleh itu, warga MPOB hendaklah sentiasa memikirkan cara serta strategi bagi menangani cabaran ini.

Penganjuran Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB 2016 menyediakan peluang kepada warga MPOB bagi meningkatkan kualiti terutama dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mencari ruang menambah baik hasil R&D dan perkhidmatan sekali gus mengangkat MPOB menjadi sebuah institusi penyelidikan yang cemerlang.

Program yang berlangsung selama seminggu itu, membariskan aktiviti yang memabitkan warga

MPOB daripada pelbagai peringkat.

Antara aktiviti yang dianjurkan ialah Hari Kesihatan dan Kebersihan; Hari Membudayakan Inovasi dan Kreativiti; Program Amal MPOB; Malam Kecemerlangan MPOB dan Industri Sawit 2016; MPOB Innovation Treasure Hunt; dan Hari Keluarga MPOB.

Program tahun 2016 yang bertemakan 'Inovasi Terbilang Pencapaian Cemerlang' itu sangat relevan dengan visi dan misi MPOB dan akan terus menjadi inspirasi kepada warga kerja untuk meningkatkan kualiti dalam R&D dan perkhidmatan yang disediakan.

25 terima Anugerah Industri Sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya: Seramai 25 individu dan syarikat berkaitan sawit menerima Anugerah Industri Sawit 2015/2016 bagi pelbagai kategori meliputi sektor hulu hingga hiliran sawit sebagai pengiktirafan di atas kecemerlangan dan sumbangan masing-masing dalam tiga majlis berasingan.

Anugerah Industri Sawit 2015/2016 disampaikan kepada pemenang oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, sempena Majlis Kecemerlangan MPOB dan Industri Sawit 2016 yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Antara penerima anugerah berdasarkan penilaian dan data terkumpul MPOB ialah kategori Pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) Nasional Terbaik; Kilang Pe-

lumat Isirung; Kilang Penapis, Kilang Oleokimia; Ladang; Peniaga Buah dan Tapak Semaian Komersial.

Sementara itu, empat anugerah bagi Kategori Kilang Sawit pula disampaikan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur semasa perasmian Seminar Pengilangan, Penapisan, Alam Sekitar dan Kualiti (POMREQ) 2016 di Kuala Lumpur pada akhir November 2016.

Manakala empat lagi anugerah bagi kategori Pekebun Kecil Sawit dan kategori Koperasi Penanam Sawit Mampan disampaikan oleh Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika perasmian Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil 2016 di Ipoh, Perak pada Oktober lalu.

Tingkat produktiviti, kualiti pengeluaran minyak sawit

Anugerah Industri Sawit (AIS) adalah pengiktirafan kerajaan

Penerima Anugerah Industri Sawit 2015/2016

KATEGORI KILANG SAWIT

PENCAPAIAN OER TERTINGGI NASIONAL

Kilang Kelapa Sawit Sungai Jernih

PENCAPAIAN OER TERTINGGI - BEKALAN

BUAH TANDAN SEGAR SENDIRI

Kilang Kelapa Sawit Sungai Jernih

(Semenanjung)

Kilang Kelapa Sawit Segaria

(Sabah/Sarawak)

KATEGORI KILANG PELUMAT ISIRUNG

BEKALAN ISIRUNG SENDIRI

IJM Edible Oils Sdn Bhd (Nasional)

BEKALAN ISIRUNG LUAR

Sandakan Edible Oils Sdn Bhd (Nasional)

KATEGORI KILANG PENAPIS

FELDA IFFCO Sdn Bhd (Nasional)

KATEGORI LADANG

HELUASAN MELERIH 2,000 HERTAR

Tali Ayer Estate (Semenanjung)

Ladang Sungai Kawa (Sabah)

SOP Plantations (Ballingian) Sdn Bhd

(Sarawak)

HELUASAN 500 - 1,999 HERTAR

Ladang Raja Hitam (Semenanjung)

Ladang LKSK (Sabah)

Ladang Takau (Sarawak)

HELUASAN 40.47-499 HEKTAR

Ladang Menglembu (Semenanjung

Malaysia)

Bukit Emas Oil Palm Sdn Bhd (Sabah)

Sare Plantation Sdn Bhd (Sarawak)

PENCAPAIAN OER TERTINGGI - BEHALAN

BUAH TANDAN SEGAR LUAR

Kilang Kelapa Sawit Aring 1

(Semenanjung)

Kilang Kelapa Sawit Kalabakan

(Sabah/Sarawak)

KATEGORI KILANG OLEOKIMIA

IOI Oleochemical Industries Berhad

(Nasional)

KATEGORI PENIAGA BUAH

KAPASITI DI BAWAH 6,000 TAN SETAHUN

Saz Oil Palm Rubber Sdn Bhd (Nasional)

KAPASITI MELEBIHI 6,000 TAN SETAHUN

Pembangunan Pertanian Melaka

(Nasional)

KATEGORI TAPAK SEMAIAN SAWIT KOMERSIAL

Mekar Bersatu Padu Sdn Bhd (Nasional)

KATEGORI PEKEBUN KECIL

Md Baharom Selamat (Semenanjung)

Haji Sabri Haji Dimong (Sabah)

Musa Matun (Sarawak)

KATEGORI KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN

Koperasi Penanam Sawit Mampan

Daerah Seratok Berhad

terhadap kecemerlangan pelbagai sektor dalam industri sawit yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti pengeluaran minyak sawit negara.

Pengiktirafan ini memberi galakan kepada pihak industri untuk berusaha gigih bagi peningkatan kecekapan, produktiviti dan daya saing industri sawit.

Anugerah dwitahunan

AIS yang diadakan secara dwitahunan mula diperkenalkan pada 1995 bagi mengiktiraf kilang kelapa sawit yang mencapai kecemerlangan OER dan diperluaskan meliputi kategori ladang, pekebun kecil, peniaga buah dan pengusaha tapak semaian sawit.

AIS kemudiannya diperluaskan lagi bagi mengiktiraf pembabitan semua sektor dalam industri termasuk kilang penapis, kilang isirung sawit, kilang oleokimia dan koperasi penanam sawit mampan.

MPOB mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah dan berharap semua penerima akan terus memberi sumbangan positif ke arah meningkatkan produktiviti dan seterusnya memajukan lagi industri sawit negara.

Pengerusi kagum pencapaian MPOB

➔ Penyelidikan, pembangunan MPOB capai matlamat tingkat industri sawit lebih berdaya saing

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

► Pahang

Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah, kagum pembangunan dan pencapaian MPOB dalam menjalankan peranan utamanya di bidang penyelidikan serta perkhidmatan

industri sawit.

Beliau menyatakan kekaguman ketika mengadakan lawatan kerja ke Ladang Penyelidikan Sagu di Penor; Pejabat MPOB Wilayah Timur dan Ladang serta Stesen Penyelidikan MPOB di Jerantut, Pahang, baru-baru ini.

Sepanjang lawatan kerja itu, beliau diiringi Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman serta Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB, Wahid Omar dan Ketua MPOB Wilayah Timur, Shafie Abdul.

Tingkat sosioekonomi

Ketika lawatan di Ladang Penyelidikan Sagu di Penor, Datuk Seri Ahmad melihat secara dekat dan terperinci penyelidikan yang dilaksanakan oleh MPOB berkaitan sagu. Beliau mendapat gambaran jelas mengenai penanaman sagu dan impaknya kepada ekonomi pada masa akan datang.



Datuk Seri Ahmad (kiri) mendengar taklimat mengenai tanaman sagu ketika mengadakan lawatan ke Stesen Penyelidikan Sagu di Penor, Pahang, baru-baru ini.



Penyelidikan dan pembangunan MPOB beri lembaran baharu kepada pekebun kecil tingkatkan sosioekonomi mereka”

Datuk Seri Ahmad Hamzah,
Pengerusi MPOB

Ketika mengulas lawatan berkenaan beliau berkata, penyelidikan dan pembangunan MPOB dalam mencapai objektif dan matlamat meningkatkan industri sawit dan sagu akan lebih positif dan berdaya saing serta memberi lembaran baharu kepada pekebun kecil meningkatkan sosioekonomi mereka.

Buka mata pekebun kecil

Dalam pada itu, usaha Pejabat MPOB Wilayah Timur dalam menangani masalah kecurian minyak yang berlaku di wilayah itu turut membuka mata pekebun kecil dengan kesungguhan MPOB.

Taklimat yang disampaikan Sha-

fie Abdul turut menyentuh mengenai peranan MPOB dalam menguruskan hal berkaitan sawit.

Ketika lawatan kerja ke Ladang dan Stesen Penyelidikan MPOB di Jerantut, Datuk Seri Ahmad turut diberi taklimat ringkas berkaitan status pembangunan stesen penyelidikan itu.

Beliau berpeluang melihat sendiri kawasan ladang yang dibangunkan dengan penanaman semula sawit.

Katanya, dengan keluasan Ladang dan Stesen Penyelidikan Jerantut, MPOB akan terus memacu pertumbuhan sawit selaras dengan perancangan yang teliti dan konsisten.

MPOB, CIQ Shanghai erat kerjasama



Dr Ahmad Kushairi Din bergambar bersama pegawai-pegawai CIQ Shanghai ketika kunjungan balas, baru-baru ini.

Oleh Subashini Nadras
subashini@mpob.gov.my

China: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Shanghai Entry-Exit Inspection and Quarantine Bureau (CIQ Shanghai) jalin kerjasama erat apabila Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad

Kushairi Din memenuhi jemputan Ketua Pengarah CIQ Shanghai, Yu Tai Wei untuk mengadakan lawatan ke Pelabuhan Shanghai di sini, baru-baru ini.

Jalin hubungan strategik

Lawatan itu adalah kunjungan balas dari lawatan Yu Tai Wei ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi pada Ok-

tober 2016.

Lawatan itu antara lain bertujuan menjalin hubungan strategik antara CIQ Shanghai dengan MPOB di samping berkongsi pengalaman antara dua organisasi, bertukar pandangan berkaitan sistem pemeriksaan kualiti yang diamalkan oleh kedua-dua negara, dan mengetahui lebih lanjut me-

ngenai sistem kawalan mutu yang dijalankan oleh CIQ Shanghai ke atas minyak sawit yang diimport melalui Pelabuhan Shanghai.

Delegasi MPOB turut melawat pusat arahan CIQ Shanghai dikenali sebagai 'Command Centre' yang ditempatkan di Ibu Pejabat CIQ Shanghai. Pusat itu adalah sistem pemantauan talian yang

dibangunkan CIQ Shanghai untuk memantau barangan yang diimport dan dieksport menerusi Pelabuhan Shanghai.

Kedua-dua organisasi bersetuju bahawa kerjasama erat di antara MPOB dan CIQ Shanghai akan membantu memperkukuhkan dagangan minyak sawit di antara Malaysia dan China serta yakin urus niaga antara pembeli dan penjual minyak sawit di antara dua negara akan menyokong peningkatan dalam import minyak sawit dari Malaysia ke China.

Ketika berada di Shanghai, Dr Kushairi turut mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan (RAC) yang ke-10 untuk PORTSIM China.

Tingkat imej minyak sawit

Jawatankuasa RAC mengkaji 13 projek di bawah PORTSIM dan sembilan projek penyelidikan yang baharu dicadangkan. Projek ini bertujuan meningkatkan pasaran dan penggunaan minyak sawit dalam industri makanan tempatan.

Lawatan Teknikal MPOB ke China bertujuan meningkatkan imej minyak sawit di samping meningkatkan hubungan perdagangan antara Malaysia dengan pelbagai pihak berkepentingan di China.

Ia adalah sebahagian usaha promosi minyak sawit Malaysia ke negara itu.

Bantuan integrasi tanaman, ternakan dengan sawit disediakan

➔ Perkukuh lagi sektor pekebun kecil sawit di bawah RMK-11 melalui ITa, ITE

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

Bagi memperkukuh lagi sektor pekebun kecil sawit di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan untuk digunakan melalui pemberian Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa) dan Skim Insentif Ternakan dengan Sawit (ITE).

Peruntukan itu disalurkan melalui MPOB untuk diagihkan kepada pekebun kecil sawit yang bertujuan meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian melalui penggunaan tanah dan sumber semula

jadi yang optimum.

Pelaksanaan kedua-dua skim berkenaan akan berjalan bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2016 dengan peruntukan tahunan berjumlah RM9.6 juta.

Skim Insentif Integrasi Tanaman (ITa) bertujuan menggalakkan pekebun kecil sawit persendirian melaksanakan integrasi tanaman dengan sawit bagi memaksimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan produktiviti ladang melalui penghasilan bahan makanan.

Selain itu, ia turut bertujuan menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sawit persendirian khususnya ketika sawit di peringkat pra-matang dan bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara.

Skop bantuan ITa:

- Pemberian insentif tunai sebanyak RM3000 per hektar bagi tanaman yang sesuai dengan had maksimum bantuan ialah sebanyak 4 hektar.
- Pemberian insentif tunai sebanyak RM 11 000/ha bagi bantuan integrasi tanaman lada hitam. Had maksimum bantuan ialah 2 hektar.
- Penyediaan lawatan khidmat nasihat dan penyeliaan projek.

Skim Insentif Ternakan dengan Sawit (ITE) pula bertujuan mengoptimalkan penggunaan tanah dan memanfaatkan sumber semula jadi yang terdapat di ladang sawit untuk pemeliharaan ternakan di samping menjana sumber pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sawit persendirian.

Selain itu, ia bertujuan melahirkan usahawan tani di kalangan pekebun kecil sawit persendirian.

Skop Bantuan ITE:

- Penyediaan induk ternakan jantan dan betina.
- Penyediaan input-input lain mengikut kesesuaian.
- Penyediaan latihan berkaitan pelaksanaan projek integrasi ternakan.
- Penyediaan lawatan khidmat nasihat dan penyeliaan projek.
- Permohonan Skim ITa dan ITE hendaklah dikemukakan kepada Pegawai TUNAS di Pejabat TUNAS MPOB terdekat dengan kebun sawit pemohon.
- Kelulusan permohonan untuk skim ini tertakluk kepada syarat-syarat permohonan dan peruntukan yang disediakan.
- Borang permohonan boleh didapati daripada pejabat TUNAS terdekat dan laman sesawang MPOB di www.mpob.gov.my.



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Kemoditi Malaysia
www.mpob.gov.my

PENDAHULUAN

Industri sawit telah dikenal pasti sebagai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang boleh meningkatkan pendapatan negara menjelang tahun 2020. Kerajaan sedang berusaha untuk memperkukuh lagi industri sawit negara dalam sektor pekebun kecil. Selaras dengan itu, kerajaan menerusi MPOB telah memperkenalkan Skim Insentif Integrasi Tanaman dan Skim Insentif Ternakan dengan Sawit dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Ia bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian melalui penggunaan tanah dan sumber semula jadi yang optimum.

SKIM INSENTIF INTEGRASI TANAMAN DENGAN SAWIT (ITa)



OBJEKTIF

- Menggalakkan pekebun kecil sawit persendirian melaksanakan integrasi tanaman dengan sawit bagi memaksimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan produktiviti ladang melalui penghasilan bahan makanan.
- Menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sawit persendirian khususnya ketika sawit di peringkat pra-matang.
- Meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara.

SKOP BANTUAN

- RM3,000 per hektar**
Pemberian insentif tunai sebanyak RM3,000/ha untuk tanaman yang sesuai. Had maksimum bantuan ialah 4 ha.
- RM11,000 per hektar**
Pemberian insentif tunai sebanyak RM 11,000/ha bagi bantuan integrasi tanaman lada hitam. Had maksimum bantuan ialah 2 ha.
- Penyediaan lawatan khidmat nasihat dan penyeliaan projek.

SKIM INSENTIF INTEGRASI TERNAKAN DENGAN SAWIT (ITE)



OBJEKTIF

- Mengoptimalkan penggunaan tanah dan memanfaatkan sumber semula jadi yang terdapat di ladang sawit untuk pemeliharaan ternakan.
- Menjana sumber pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sawit persendirian.
- Melahirkan usahawan tani di kalangan pekebun kecil sawit persendirian.

SKOP BANTUAN

- Penyediaan induk ternakan jantan dan betina.
- Penyediaan input-input lain mengikut kesesuaian.
- Penyediaan latihan berkaitan pelaksanaan projek integrasi ternakan.
- Penyediaan lawatan khidmat nasihat dan penyeliaan projek.



Integrasi ternakan lembu dengan sawit.



PALM OIL ECONOMIC REVIEW & OUTLOOK SEMINAR 2017

17 JANUARY 2017
PULLMAN KUALA LUMPUR CITY CENTRE

PALM OIL:
DRIVING THE NATIONAL ECONOMY

Officiated by
YB Datuk Seri Mah Siew Keong
Minister of Plantation Industries & Commodities

OBJECTIVES

- Disseminate information regarding the performance of the Malaysian oil palm industry 2016 and prospects for 2017.
- To highlight issues and challenges in 2016 and approaches taken by the government to overcome it.
- Platform to build up contact and sharing knowledge.

WHO SHOULD ATTEND
Malaysian industry players that involved in oil palm, palm oil and other oils & fats industry, including R & D personnel, planters, millers, traders, manufacturing, exporters, economists, policy makers, academicians, financial institutions ect.

REGISTRATION FEE
RM1060
Inclusive of GST

For Registration Contact: Nurul Aishah Musa / Salmah Husin
Tel : 03-87694568 / 03-87694873
Faks : 03-89257549/ 89261202
Email : nurul.aishah.musa@mpob.gov.my, salma@mpob.gov.my



Ladang sawit yang mengamalkan pensijilan amalan pertanian baik akan menghasilkan tandan sawit berkualiti

Pensijilan jamin kualiti tandan sawit

Oleh Mohd Firdaus Abdul Aziz, Mohd Khairul Azwan Hamid, Rozanna Rosdin

Bagi meningkatkan kadar perahan minyak (OER) ke paras 23% dan pengeluaran buah tandan segar (BTS) mencecah 26 tan sehektar secara purata menjelang tahun 2020, pelbagai usaha perlu dijalankan oleh pihak industri termasuk sektor pekebun kecil dan perladangan sawit bagi memastikan kualiti BTS hanya yang terbaik dihantar ke kilang sawit untuk diproses.

Ini dapat menjamin segala sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan ke arah pengeluaran minyak sawit Malaysia yang terjamin kualiti, lebih produktif, selamat dan mampan dapat dicapai.

Untuk mencapai matlamat ini, tumpuan diberikan kepada beberapa sektor pertumbuhan utama yang dikenali sebagai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit. Lima daripada lapan Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti hulu dan kemampanan.

Di samping itu, Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut memperkenalkan Skim Pensijilan Kod Amalan Pertanian Baik untuk Ladang dan Pekebun

Kecil Sawit (CoGAP) sebagai inisiatif dalam memastikan pengeluaran buah tandan segar (BTS) berada ditahap yang terbaik.

Ini seterusnya menyumbang kepada pencapaian paras OER seperti yang telah disasarkan oleh Kerajaan. Secara tidak langsung, produk sawit Malaysia dapat bersaing secara kompetitif dengan produk sawit keluaran negara lain.

Kod Amalan Pertanian Baik untuk Ladang dan Pekebun Kecil Sawit (CoGAP) CoGAP telah dilancarkan pada tahun 2007 bertujuan mastikan segala amalan pertanian baik dapat diadaptasi ke dalam operasi harian di ladang ataupun kebun sawit.

Keperluan CoGAP boleh diguna pakai untuk pekebun kecil dan juga sektor perladangan.

Beri penekanan
Pelaksanaan CoGAP ini memberi penekanan terhadap keselamatan makanan, jaminan kualiti dan kemampanan.

Skop pelaksanaan CoGAP merangkumi aspek penerimaan anak benih sawit untuk ditanam di ladang sehingga penghantaran BTS ke kilang untuk diproses.

Antara kriteria yang perlu dipatuhi oleh pekebun kecil dan sektor perladangan sebelum dianugerahkan Sijil CoGAP

- adalah seperti berikut:
- Mempunyai sistem kebolehesanan (traceability)
 - Mempunyai sistem penyimpanan rekod yang baik dan mudah untuk dicapai
 - Memilih bahan tanaman yang berkualiti
 - Mempunyai maklumat yang lengkap berkaitan dengan sejarah dan pengurusan tapak kebun/ladang
 - Mempunyai sistem pengurusan berkaitan dengan tanah dan substrat yang lengkap
 - Memiliki sistem pengurusan pembajaan yang berkesan
 - Mengikuti amalan pengairan yang disyorkan
 - Mengikuti segala amalan perlindungan tanaman yang baik
 - Mempunyai prosedur penuaian yang berkesan
 - Mempunyai sistem pengendalian lepas tuai yang baik
 - Menyediakan prosedur pengurusan produk sampingan, sisa buangan dan bahan yang menyebabkan pencemaran yang lebih efisien
 - Mempunyai prosedur yang merangkumi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja
 - Mengutamakan isu alam sekitar dan

kemampanan dalam aktiviti harian

n) Mengambil tindakan yang sewajarnya bagi sebarang aduan dan rungutan yang diterima

o) Mematuhi keperluan dan kehendak undang-undang

Pencapaian dan status terkini Pelaksanaan CoGAP sehingga Oktober 2016, seluas 346,419.82 hektar yang dimiliki oleh 136 premis ladang dan sejumlah 2,146.31 hektar di bawah lapan kelompok pekebun kecil mampan (SPOC) telah memperolehi Sijil CoGAP.

Dalam memastikan Skim pensijilan CoGAP ini terus relevan untuk diguna pakai oleh industri sawit di Malaysia, beberapa siri taklimat, latihan dan penerangan giat dijalankan oleh MPOB melalui Unit Pelestarian, Pemuliharaan dan Pensijilan (SCC) bagi memastikan kesedaran pihak industri sawit di Malaysia akan kepentingan dan keperluan CoGAP.

MPOB berharap lebih banyak syarikat perladangan dan pekebun kecil sawit tampil untuk sama-sama menyokong CoGAP agar ianya menjadi satu amalan ke arah penghasilan minyak sawit yang lebih selamat, berkualiti dan memenuhi kehendak dan keperluan pengguna serta negara pengimport.

MPOB sertai pameran MCY Summit 2016

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) terus meningkatkan pencapaian dalam inovasi dan teknologi sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 dengan menyertai pameran yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY Summit 2016) anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), di sini baru-baru ini.

MCY Summit 2016 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada Disember 2016 menghimpunkan lebih 150 produk, teknologi dan perkhidmatan yang berjaya dikomersialkan pada tahun 2016.

Produk, teknologi dan perkhidmatan ini berupaya memberi suatu dimensi baharu kepada inovasi pada masa depan serta mampu menembusi pasaran komersial dan juga global.

Objektif yang diterapkan pada MCY Summit 2016 adalah untuk memudah cara produk dan perkhidmatan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memasuki pasaran melalui intervensi pengkomersialan.

Mampu tingkat penembusan pasaran Ianya juga memberikan impak yang mampu meningkatkan penembusan pasaran produk berasaskan teknologi tempatan, mendapatkan pengiktirafan global produk dan perkhidmatan dan juga mewujudkan pasaran yang khusus.

MPOB mempamerkan lima teknologi bagi dua kategori iaitu di bawah kluster Bio-teknologi-Pertanian (SureSawitTM - KARMA: Cerakin Diagnostik Pertama untuk Kawalan Kualiti Klon Sawit) dan empat teknologi lagi di bawah kluster Industri - Teknologi iaitu Dedak Isirung Sawit dengan Kualiti Premium; Palm-Based Mould Oil (EcoMould); Teknologi Biodiesel Pelbagai Bahan Mentah; dan Fitonutrien Sawit dan Sistem Pembersihan Awal Untuk Isirung Sawit.

Pameran teknologi ini memberi satu lonjakan yang relevan kepada MPOB untuk terus meningkatkan kemajuan industri sawit negara.

MCY Summit dianjurkan sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 itu adalah bagi melonjakkan hasil penyelidikan, pembangunan dan inovasi (R,D,&I) dan menjadikan Malaysia sebagai teknologi hab yang kompetitif.

Fakta
nombor

150 PRODUK

dipamer di MCY
Summit 2016

IDOPMT lahir lebih 400 graduan

➔ Kursus tawar pembelajaran eksklusif berkaitan industri sejak dianjurkan tahun 1999

Oleh Siti Nurhajar
Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

► Bangi

Lebih 400 peserta daripada 15 negara berjaya menjadi graduan Diploma Intensif Pengurusan Ladang Sawit dan Teknologi (IDOPMT) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sejak pertama kali diperkenalkan pada 1999.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dalam ucapan yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penyelidi-

kan dan Pembangunan (R&D) MPOB, Dr. Lim Weng Soon berkata demikian pada majlis penutup IDOPMT 2016 yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Pada IDOPMT 2016, seramai 17 peserta yang berjaya menamatkan kursus menerima diploma masing-masing.

Pembelajaran eksklusif

Kursus intensif ini menawarkan pembelajaran secara eksklusif berkaitan industri sawit meliputi sektor huluan hingga sektor hiliran.

Melalui IDOPMT, peserta dapat mempelajari teori melalui kuliah dalam bilik darjah dan



Weng Soon menyampaikan diploma kepada peserta yang berjaya menamatkan IDOPMT 2016.

latihan amali di estet sawit yang dipilih.

Pada tahun ini IDOPMT disertai 26 peserta termasuk daripada Indonesia.

Sijil disampaikan kepada peserta yang berjaya menghadiri semua modul dalam tempoh tiga semester.

Tiga peserta cemerlang dianugerah kepujian menerima diploma dan plak iaitu Gooi Chuen Kang, Mohd Zulkamal Mohd Zuki dan Tan Cheng Zen.

Di samping itu katanya, minyak sawit akan kekal sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi Malay-

sia untuk beberapa dekad yang akan datang.

Katanya, di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), minyak sawit mensasarkan peningkatan kasar pendapatan sebanyak RM178 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) menjelang 2020.

“Dalam merealisasikan hasrat kerajaan ini, sebanyak 41,600 peluang pekerjaan akan dibuka di sektor huluan dan 81,800 peluang kerja di sektor hiliran selain peluang kerja berkepakaran tinggi yang menjanjikan pulangan lumayan dengan purata pendapatan RM6,000 sebulan,” katanya.

Teknologi MPOB menang lagi

Oleh Zawawi Ibrahim
zawawi@mpob.gov.my

Bangi: Teknologi papan serat berketumpatan sederhana (MDF) daripada biojisim sawit berjaya memperoleh anugerah Applied Science Order of Merit Award dan Creative Inventor Grand Award sempena Korea Inventor Award Festival (KIAF) 2016.

Teknologi hasil inovasi Pegawai Penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Zawawi Ibrahim itu sebelum ini turut meraih pelbagai anugerah lain seperti Anugerah Khas dan Pingat Emas sempena Seoul International Invention Fair 2015; pingat Emas dan Anugerah Terbaik Keseluruhan di Ekspo Teknologi Malaysia 2015 dan pingat Perak pada ITEX 2014.

Papan serat berketumpatan sederhana (MDF) adalah papan komposit yang digunakan secara meluas dalam industri perabot, bangunan dan lain-lain lagi.

Di Malaysia, kebanyakan kilang MDF menggunakan kayu



Zawawi bersama anugerah yang dimenangi pada KIAF 2016.

getah (RW) sebagai bahan mentah dan sejak akhir-akhir ini industri menghadapi masalah dengan bekalan yang kurang dan tidak konsisten serta kenaikan harga bahan ini.

Oleh yang demikian, untuk lebih berdaya saing, industri ini perlu mencari bahan alternatif bagi menjamin bekalan yang mencukupi dan berterusan untuk pengeluaran produk berkenaan.

Biojisim sawit mempunyai

potensi yang tinggi untuk dijadikan sebagai bahan mentah alternatif.

MPOB menjalankan kajian sejak awal 90-an bagi membangunkan teknologi untuk menghasilkan produk bio-komposit daripada biojisim sawit seperti batang, pelepah dan tandan kosong.

Ciri setanding kayu getah

Biojisim sawit mempunyai ciri setanding dengan kayu

getah dan kayu hutan tropika serta sesuai untuk penghasilan MDF yang memenuhi keperluan standard komersial.

Pada 2009, MPOB bekerjasama dengan syarikat Dongwha Fibreboard (M) Sdn Bhd untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi pengeluaran MDF secara komersil menggunakan biojisim sawit.

Kolaborasi dengan Dongwha merangkumi bidang teknikal dan juga rantaian bekalan biojisim sawit.

Melalui kajian ini, proses pengeluaran MDF daripada biojisim sawit adalah berbeza daripada proses sedia ada di kilang komersial malah beberapa proses penting berjaya dioptimumkan melalui kajian ini di loji perintis MPOB dan juga di loji berskala komersial.

Kejayaan hasil kajian ini membolehkan MPOB dan Dongwha memfailkan dua paten untuk teknologi pembuatan MDF daripada batang dan juga pelepah sawit selain berjaya difailkan di luar negara termasuk China, Korea, Thailand dan Indonesia.

Mahasiswa dalam pengetahuan sawit

➔ Lebih 350 mahasiswa UM, UKM hadiri Seminar MTecS

Oleh Nor Asliza Semiran dan Hisamudin Aspar
norasliza@mpob.gov.my,
hispar@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama dua pusat pengajian tinggi, iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganjurkan Seminar Teknikal MPOB (MTecS) bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang industri sawit negara dalam kalangan warga universiti terbabit.

MPOB bekerjasama dengan Fakulti Sains UM dalam pengajuran MTecS UM dengan penyertaan lebih 350 peserta terdiri mahasiswa, ahli akademik dan kakitangan universiti itu. Yang turut hadir, Dekan Fakulti Sains UM, Prof Dr Zanariah Abdullah.

Perkembangan teknologi

Prof Dr Zanariah Abdullah dalam ucapamannya berkata, seminar ini menjadi medium bagi warga UM untuk mendapatkan pengetahuan mengenai perkembangan semasa dan teknologi baharu dalam industri sawit Malaysia.

Beliau berharap kerjasama menganjurkan seminar itu akan menjadi batu loncatan untuk mengadakan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berkaitan industri sawit pada masa depan.

Kehadiran peserta yang menggalakkan di MTecS UM didorong oleh topik-topik menarik kertas



Peserta mengunjungi Pameran MPOB di MTecS UM, baru-baru ini.

pembentangan oleh MPOB seperti pengenalan kepada industri sawit Malaysia, kegunaan minyak sawit dalam produk makanan dan bukan makanan, kebaikan pemakaian minyak sawit, kelestarian industri sawit Malaysia serta biodiesel sawit.

Sementara itu, MTecS di UKM dianjurkan MPOB dengan kerjasama Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan (PPSKTM), UKM.

Seminar di UKM dihadiri lebih 200 peserta terdiri mahasiswa, ahli akademik dan kakitangan PPSKTM, UKM.

Selain pembentangan kertas kerja, MPOB turut mengadakan pa-

meran produk berasaskan sawit. Salah satu tarikan di MTecS UKM adalah gerai cendol santan sawit yang memberi peluang kepada peserta seminar menikmati cendol yang berkhasiat dan menyihatkan.

MTecS UKM 2016 telah dirasmikan oleh Pengerusi PPSKTM, Prof Dr Wan Aida Wan Mustapha.

Dalam ucapamannya beliau berkata, program seperti ini boleh dijadikan platform kepada pelajar UKM untuk berinteraksi dengan pegawai MPOB tentang penyelidikan saintifik dan teknologi terkini berkaitan minyak sawit.

Selain menjadi medium untuk penyebaran maklumat terkini, pe-

nganjurkan MTecS di universiti-universiti tempatan ini merupakan antara usaha MPOB dalam mendidik dan meningkatkan kesedaran berkaitan kebaikan pemakaian minyak sawit di kalangan warga universiti.

Di samping itu, MTecS diharapkan dapat menarik minat lebih ramai pelajar universiti supaya terbabit dengan program penyelidikan dan pembangunan berasaskan sawit dan seterusnya menyumbang ke arah pembangunan inovasi, menjana peluang perniagaan dan pekerjaan melalui pengkomersialan teknologi untuk kesejahteraan industri sawit di Malaysia.

Jadilah pekebun kecil berjiwa besar: Sabri



Sabri di ladang sawit miliknya.

Oleh Amiruddin Majid, Sahar Baso, dan Shakir Alid

“Jadilah kita pekebun kecil yang berjiwa besar,” itulah antara kata-kata Sabri Haji Dimeng, 41, semasa menjadi penceramah jempitan program Hello Komoditi di Lahad Datu.

Sabri yang berasal dari Tawau, Sabah adalah penerima Anugerah Industri Sawit 2015/2016 daripada MPOB sempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2016 di Ipoh, Perak, Oktober lalu.

Beliau berkelulusan Ijazah Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM) menghentikan niat melanjutkan pengajian di luar negara dan mengambil keputusan merealisasikan hasrat bapanya, menyambung legasi warisan keluarga dalam penanaman sawit.

Walaupun langkah yang diambil berbeza, namun destinasi kejayaan tetap sama. Berkat kesungguhan, kesabaran dan semangat yang kental mempelajari

ilmu berkaitan perladangan, ternakan serta menghadiri pelbagai kursus, seminar, ceramah dan program anjuran pelbagai agensi seperti Jabatan Pertanian, PPK, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan MPOB, kini beliau berdiri gagah di mercu kejayaan yang dilakarkannya sendiri.

Cebur sepenuh masa 2004

Menceburkan diri sebagai pekebun kecil sawit sepenuh masa bermula pada 2004. Dengan keluasan tanaman 35.2 hektar, beliau berjaya memperoleh hasil purata buah tandan segar (BTS) sebanyak 37.5 tan pada 2013, 39.2 tan (2014) dan 35.7 tan (2015).

Sumber anak benih yang ditanam ialah DxP yang diperoleh daripada Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun, Jabatan Pertanian Sabah. Di mana jarak tanaman sawit ialah segitiga sama dengan ukuran 9.0 m x 9.0 m x 9.0 m dengan kepadatan 136 pokok/hektar.

Bagi memastikan hasil BTS yang tinggi, penyelenggaraan ke-

bun amat dititikberatkan di mana kadar pembajaan tidak kurang daripada 9-12kg/pokok/tahun. Antara baja yang digunakan ialah Baja Sebatian MPOB F6, Baja Tunggal MOP dan SOA dan Baja Organik daripada sumber tinjaan ternakan kambing dan lembu.

Dalam pengurusan rumpai penggunaan sebarang bahan kimia dikurangkan seminimum mungkin dan menerapkan kaedah manual dan biologi iaitu menggunakan parang dan ragutan ternakan. Piawaian 2 hingga 5 biji buah lerai ditekan dalam menentukan buah tandan yang benar-benar masak dan berkualiti.

Selain mengurus tanaman sawitnya sendiri, beliau juga Pengurus Syarikat Daya Usaha Plantation yang turut mengurus kebun-kebun sawit kepunyaan ahli keluarga lain.

Beliau mengadaptasikan penggunaan jentera seperti lori, backhoe, jengkaut dan membina pusat timbang sendiri.



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua perintis, penanam dan pelabur, yang secara keseluruhannya menyumbang kepada pembangunan industri minyak sawit di Malaysia”

Datuk Seri Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



SEMPENA ULANG TAHUN KE-100 INDUSTRI SAWIT

Mesej Datuk Seri Mah Siew Keong

Tahun 2017 adalah ulang tahun ke-100 penanaman sawit, tanaman serbaguna di Malaysia.

Pokok sawit yang pada asalnya hanyalah ditanam sebagai hiasan, kini diiktiraf sebagai salah satu sumber minyak sayuran dunia yang paling produktif dan memenuhi sebahagian daripada keperluan bekalan makanan global.

Sesungguhnya, negara kita telah mencapai banyak kejayaan sejak penanaman sawit *Elaeis guineensis* Jacq. diperkenalkan secara komersial buat pertama kalinya pada tahun 1917 di Estet Tennamaram, Selangor.

Sejak itu, pembangunan kawasan penanaman sawit terus berkembang dan memberikan banyak manfaat kepada pekebun kecil di luar bandar dengan meningkatkan pendapatan mereka.

Melalui pelaburan yang berterusan di dalam penyelidikan dan pembangunan sawit, industri ini telah berubah menjadi pengeluar dan pengeksport produk berasaskan sawit utama dunia untuk kegunaan di dalam pembuatan produk makanan dan bukan makanan.

Di samping itu, Malaysia juga adalah negara pengeluar minyak sawit pertama di dunia membekalkan minyak sawit yang mempunyai pensijilan mampan.

Potensi industri ini direalisasikan dengan pembabitan pekebun kecil, yang begitu tabah, penuh dengan keceka-



lan, keyakinan dan kesabaran yang tinggi, yang membantu melonjak industri sawit Malaysia ke hadapan.

Peranan besar pekebun

Pekebun kecil memainkan peranan besar untuk sama-sama membangunkan industri sawit Malaysia ke tahap yang dikecapi sekarang.

Ini menjadi pemangkin kepada banyak pembangunan di kawasan luar bandar, yang mana telah meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua perintis, penanam dan pelabur, yang secara keseluruhannya menyumbang kepada pembangunan industri minyak sawit di Malaysia.

Tidak lupa juga kepada pekebun kecil, institusi penyelidikan, organisasi dan agensi berkaitan industri sawit di atas komitmen yang mendalam dan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi di dalam potensi ekonomi tanaman sawit.

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebajikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Biodiesel sawit bahan api mesra alam

Biodiesel adalah bahan api alternatif yang boleh digunakan sebagai pengganti diesel petroleum. Ia adalah ester metil lemak yang dihasilkan daripada minyak sayuran dan lemak haiwan melalui proses kimia. Jerman menggunakan biodiesel berasaskan tumbuhan 'rapeseed' sementara Amerika dari tanaman kedelai. Minyak sawit juga tidak ketinggalan untuk diadun dengan diesel petroleum untuk dijadikan sebagai bahan bakar kenderaan atau mesin diesel.

Biodiesel sawit dihasilkan melalui proses transesterifikasi dan esterifikasi. Diesel petroleum pula adalah pecahan spesifik hasil penapisan minyak petroleum mentah. Penggunaan minyak sawit yang diolah untuk dijadikan biodiesel menjadikan bahan api tersebut sebagai sumber bahan api yang boleh diperbaharui. Ini berbeza dengan diesel petroleum yang diperolehi daripada sumber yang terhad dan tidak boleh diperbaharui.

Negara memerlukan sumber biobahan api alternatif bagi mengurangkan keberuntungan kepada petroleum dimana pembakarannya memudaratkan alam sekitar dan mencemarkan udara.

Negara perlu memelihara alam sekitar bagi melestarikan persekitaran sihat. Untuk itu pada tahun 2006, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Biobahan Api Negara.

Tumpuannya adalah kepada penggunaan bahan api bio yang berasaskan sawit atau teknologi hijau lain untuk sektor pengangkutan, perindustrian dan juga eksport. Objektif utama dasar



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Muhamad Akmal Abd Samad
SMK Tinggi Kajang, Kajang, Selangor

ini adalah untuk memanfaatkan sumber tenaga yang mesra alam, mampan dan mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan bakar fosil.

Kerajaan melihat biodiesel sawit sangat berpotensi menyumbang kelestarian alam sekitar. Ia selaras dengan perubahan semasa di peringkat global di mana kebanyakan negara sedang beralih kepada penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui.

Pembangunan teknologi biodiesel sawit sentiasa berterusan dan menjadi komitmen MPOB bagi merealisasikan hasrat negara di samping menstabilkan harga minyak sawit mentah (CPO). Penggunaannya bermula tahun 2006 pada kenderaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pada tahun 2011 program biodiesel secara berperingkat dimulakan di Wilayah Tengah dengan

memperkenalkan minyak diesel B5 di stesen-stesen minyak di sekitar Putrajaya. Kemudiannya diperluaskan ke Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor. B5 adalah hasil adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum.

Program ini dapat menyumbang bagi mengatasi isu pemanasan global kerana biodiesel sawit mengandungi bahan kimia yang lebih organik berbanding bahan api fosil. Ia lebih mesra alam dan dapat mengatasi pelepasan gas rumah hijau (GHG).

Ia mampu mengurangkan pelepasan GHG sebanyak 50 peratus ke udara berbanding diesel petroleum. Pembakarannya lebih baik untuk kesihatan kerana ia tidak menghasilkan sulfur.

GHG adalah lapisan gas beracun campuran karbon dioksida, karbon monoksida, sulfur dioksida dan hidrokarbon. Ia menghalang pembalihan haba ke atmosfera berpunca daripada pembakaran bahan api fosil menjadikan permukaan bumi kita berbahang panas.

Biodiesel sawit juga berupaya mengekalkan ekosistem dunia kerana ia sumber tenaga boleh diperbaharui. Pokok sawit itu sendiri membantu menyerap karbon dioksida dan melepaskan oksigen untuk kehidupan bernafas. Bahan api fosil diperolehi dari penerokaan kawasan yang memusnahkan persekitaran secara kekal. Ini pasti menjejaskan ekosistem setempat berikutan kemusnahan tersebut.

Pembangunan teknologi biodiesel kini semakin maju. Negara telahpun menggunakan biodiesel sawit B5, B7 dan kini menuju B10.

Program biodiesel beri manfaat kepada pembangunan ekonomi negara

Program biodiesel di Malaysia sebenarnya telah bermula sejak Jun 2011 dengan kadar adunan B5 (5 peratus biodiesel sawit dan 95 peratus diesel petroleum). Kejayaan daripada program perintis yang bermula di Putrajaya ini kemudiannya menyaksikan program biodiesel diperluaskan ke seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Ramai tidak mengetahui namun faktanya, mulai Disember 2014, semua diesel yang dibekalkan di stesen-stesen minyak di seluruh negara ini mengandungi adunan tujuh peratus biodiesel minyak sawit dan 93 peratus diesel petroleum.

Terdapat 25 loji biodiesel di dalam negara dengan jumlah kapasiti 2.6 juta tan. Walau bagaimanapun, pengeluaran masa kini hanyalah sejumlah 228,000 tan di mana hampir kesemuanya untuk dieksport.

Jumlah penggunaan tempatan adalah amat kecil kerana kos pengeluaran biodiesel lebih tinggi daripada harga runcit diesel di pam stesen minyak; subsidi kerajaan sebanyak 19.6 sen seliter diperlukan untuk membolehkan pengeluaran mendapatkan pulangan modal.

Di serata dunia, negara-negara sedang mengambil langkah aktif untuk melaksanakan penggunaan biodiesel secara mandatori, disokong oleh insentif kerajaan di antara RM1.20 hingga RM2.50 seliter. Indonesia misalnya telah melaksanakannya mulai 2013 dan pada Januari 2016, kadar adunan yang dite-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Nur Aqilah Abdul Sani
Taman Beringin Kulim, Kedah

tapkan negara berkenaan meningkat kepada B20.

Industri minyak sawit Malaysia merupakan penyumbang keempat terbesar kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia. Menerusi program Transformasi Ekonomi, Malaysia akan dipacu oleh pertumbuhan semula jadi industri minyak sawit yang dirangkumkan dalam tiga peluang perniagaan bernilai RM57.6 bilion menjelang 2020.

Salah satu peluang berkenaan adalah pembangunan aktiviti biodiesel nasional. Peluang perniagaan ini akan menghasilkan PNK tambahan sebanyak RM1.6 bilion menjelang 2020 dan mewujudkan sebanyak 2,100 peluang pekerja tambahan.

Pendapatan Negara Kasar tambahan bagi peluang perniagaan ini dijangka datang daripada pengenalan penggunaan mandatori campuran B5 di Malaysia

yang bermula 2011 dijangka peningkatan tambahan campuran kepada B10 dan pertumbuhan eksport. Hal ini secara tidak langsung boleh menyebabkan pendapatan eksport dan pertukaran asing yang lebih tinggi kerana 90% daripada produk minyak sawit tempatan dieksport ke luar negara.

Oleh sebab Malaysia merupakan antara negara pengeluar komoditi minyak sawit, program biodiesel juga mampu memperkukuhkan harga minyak sawit negara serta membantu memperkukuhkan harga minyak sawit. Program biodiesel dapat memberi kesan positif kepada harga minyak sawit mentah (MSM) kerana ia dijangka meningkatkan penggunaan minyak sawit di Malaysia dengan kira-kira 750,000 tan setahun.

Menurut Persatuan Biodiesel Malaysia, biodiesel negara boleh mengurangkan kesan negatif akibat kehilangan hasil daripada minyak sawit mentah. Harga MSM yang lebih tinggi mempunyai kesan yang besar kepada ekonomi negara. Sebagai contoh, dengan hanya RM100 per tan pada peningkatan MSM akan memberi kesan berjumlah RM2 bilion dalam pendapatan bagi industri.

Di samping itu, kenaikan harga minyak sawit juga akan memberikan kesan positif kepada industri sawit termasuk peningkatan harga buah tandan segar (BTS) terutamanya bagi meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN NOVEMBER 2016

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Inovasi pemangkin kesejahteraan industri sawit. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Inovasi dan pengkomersialan teknologi sawit menjana pendapatan negara. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan FEBRUARI 2017 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Disember 2016

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Muhamad Akmal Abd Samad
SMK Tinggi Kajang, Kajang, Selangor

Hadiah Kedua
Nor Athirah Mat Isa
SMA Syubbaniah Batu Kurau, Perak

Hadiah Ketiga
Muhammad Luqman Murad
SMK Bandar Tasik Puteri Rawang, Selangor

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Nur Aqilah Abdul Sani
Taman Beringin Kulim, Kedah

Hadiah Kedua
Noraini Ismail
Kampung Sungai Buaya Dungun, Terengganu

Hadiah Ketiga
Zurita Yeh@Alias
Taman Seri Serdang Seri Kembangan, Selangor

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- ◎ Bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 20 Januari 2017
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menyampaikan sijil penghargaan kepada Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din sempena Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya, baru-baru ini. MPOB berjaya menjadi finalis dan menerima saguhati pada AIPM 2016.



Menteri Perusahaan Perladangandan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menyampaikan Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB 2016 kepada Ketua Kumpulan yang mengetuai penyelidikan teknologi 'Genetic Resource and Breeding: A Lifeline for the Oil Palm Industry', Dr. Mohd Din Amiruddin sambil diperhati Dr. Ahmad Kushairi Din.



Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan cenderamata barangan sawit kepada Duta Sweden ke Malaysia, Dag Anders Matts Juhlin-Dannfelt yang mengunjungi Ibu Pejabat MPOB di Bangi baru-baru ini. Turut serta semasa kunjungan hormat tersebut Dr. Ahmad Kushairi Din.



Datuk Seri Ahmad Hamzah memukul gong sebagai simbolik perasmian Program Hari Keluarga MPOB 2016 sambil diperhati Dr Ahmad Kushairi Din. Hari Keluarga MPOB adalah antara program yang dianjurkan sempena Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB 2016 yang diadakan pada Disember lalu.



Datuk Seri Ahmad Hamzah mendengar penerangan ketika lawatan ke makmal kualiti minyak sawit Pejabat MPOB Wilayah Timur di Kuantan, Pahang. Sepanjang lawatan beliau diiringi Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman.